



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***METAFORA KONSEPSI DAN PEMIKIRAN DALAM PERIBAHASA  
MELAYU DAN PERANCIS BERKAITAN HAIWAN***

**DINIE ASYRAF SALEHAN**

**FBMK 2017 38**



**METAFORA KONSEPSI DAN PEMIKIRAN DALAM PERIBAHASA  
MELAYU DAN PERANCIS BERKAITAN HAIWAN**

Oleh

**DINIE ASYRAF BIN SALEHAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Jun 2017**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**METAFORA KONSEPSI DAN PEMIKIRAN DALAM PERIBAHASA  
MELAYU DAN PERANCIS BERKAITAN HAIWAN**

Oleh

**DINIE ASYRAF BIN SALEHAN**

**Jun 2017**

**Pengerusi: Omrah Hassan @ Hussin, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Metafora merupakan salah satu gaya bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu secara tersirat, iaitu melalui penggunaan frasa atau kata yang bermaksud lain daripada frasa dan kata sebenar yang sepatutnya digunakan. Kemampuan semula jadi manusia dalam memberi konsep kepada sesuatu secara metaforikal berserta hasrat penyampaian sesuatu perkara secara tersirat menjadikan metafora digunakan dalam peribahasa secara meluas. Masyarakat yang bertutur dalam bahasa Melayu dan Perancis iaitu dua bahasa berbeza turut menggunakan metafora dalam peribahasa-peribahasa, dan salah satu daripada jenis metafora tersebut ialah metafora haiwan.

Kajian perbandingan peribahasa berkaitan metafora haiwan ini menyenaraikan tiga objektif iaitu mengenal pasti konsep dan nilai dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan, menganalisis persamaan dan perbezaan penggunaan metafora konsepsi dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan dengan menggunakan Teori Metafora Konsepsi (1980) dan merumuskan kesahan hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) berdasarkan konsep dan metafora konsepsi berkaitan metafora haiwan dalam peribahasa Melayu dan Perancis. Kajian yang mengaplikasikan Teori Metafora Konsepsi (1980) dan Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) ini menggunakan data peribahasa Melayu dan Perancis daripada sumber-sumber koleksi bercetak dan atas talian.

Hasil kajian mendapati 678 peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan dikenal pasti mengandungi konsep dan nilai. Perbandingan antara peribahasa Melayu dan Perancis yang dilakukan menunjukkan bahawa bagi peribahasa yang mengandungi metafora haiwan kesayangan, sebanyak 18 konsep merupakan konsep yang wujud dalam kedua-dua peribahasa manakala 12 konsep merupakan konsep yang hanya disentuh dalam peribahasa satu bahasa sahaja. Kelompok metafora haiwan ternakan pula menunjukkan sejumlah 26 konsep yang dikongsi dan 14 konsep berbeza antara peribahasa-peribahasa tersebut. Sementara itu, nilai negatif merupakan nilai yang paling banyak ditunjukkan oleh peribahasa dengan pelbagai konsep ini.

Analisis metafora konsepsi menggunakan Teori Metafora Konsepsi (1980) menunjukkan persamaan 11 metafora konsepsi dan juga perbezaan 130 metafora konsepsi yang dibawa oleh metafora haiwan dalam peribahasa Melayu dan Perancis. Pemikiran masyarakat Melayu dan Perancis yang dianalisis untuk merumuskan kesahan Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) berkaitan hubungan bahasa dengan pemikiran menunjukkan idea *linguistic determinism* ditolak manakala idea *linguistic relativity* boleh diterima.

Rumusannya, peribahasa Melayu dan Perancis mempunyai perkongsian dan juga keunikan dari segi konsep, nilai, metafora konsepsi dan pemikiran dalam memenuhi tujuan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat yang bertutur dalam bahasa-bahasa tersebut.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts.

**CONCEPTUAL METAPHOR AND THOUGHT IN MALAY AND  
FRENCH PROVERBS RELATED TO ANIMALS**

By

**DINIE ASYRAF BIN SALEHAN**

**June 2017**

**Chairman : Omrah Hassan @ Hussin, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Metaphor is one of the language style utilized in order to deliver the thought through implicit manner, by usage of phrases or words which differ in its actual meaning rather than using phrases or words which should be in use. Human's natural ability to conceptualize things metaphorically, together with the intention to convey any subjects connotatively makes metaphor available widely in proverbs. Malay and French speakers who speak two distinctive languages also adapt metaphors in their proverbs, among them are animal metaphors.

This comparative study of proverbs related to animal metaphors lists three objectives; to identify concepts and values in Malay and French proverbs related to animal metaphors, to analyse similarities and differences of conceptual metaphors related to animal metaphors in Malay and French proverbs using Conceptual Metaphor Theory (1980) and to formulate the validity of Sapir-Whorf Hypothesis (1921,1956) based on the concepts and conceptual metaphors related to animal metaphors in Malay and French proverbs. The data of Malay and French proverbs for this study, which applies Conceptual Metaphor Theory (1980) and Sapir-Whorf Hypothesis (1921,1956), are gathered from printed and online proverbs collections.

The results of this study found that 678 Malay and French proverbs related to animal metaphors to contain concepts and values. Comparison between Malay and French proverbs shows that for the group of pet metaphors, 18 concepts exist in proverbs in both languages, while 12 concepts are available only in proverbs in one language. In addition, the group of farm animal metaphors shows 26 are shared and 14 are different between the proverbs. Meanwhile, negative value has the highest number of representation in the proverbs with various concepts studied.

Conceptual metaphor analysis using Conceptual Metaphor Analysis (1980) shown that the Malay and French proverbs have 11 similar conceptual metaphors while the other 130 are different. Human thought in Malay and French communities were also analysed for fulfilling the objective of validating Sapir-Whorf Hypothesis (1921,1956) about the relationship between language and thought. The outcome of

the analysis demonstrates that linguistic determinism is rejected while linguistic relativity is accepted.

In conclusion, Malay and French proverbs share some features and at the same time possess certain uniqueness in concepts, values, conceptual metaphors and thought while serve as the basis in delivering the message to the communities who spoke the languages.



## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, tesis ini dapat disempurnakan. Ingin saya mengungkapkan penghargaan dan terima kasih seikhlas hati saya kepada individu-individu serta pihak-pihak yang telah menyumbang bakti dan memberikan bantuan kepada saya dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Pertama sekali, penghargaan dan terima kasih yang setingginya ingin saya ucapkan kepada para penyelia saya, iaitu Dr. Omrah Hassan @ Hussin dan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah. Kedua-dua insan yang telah saya anggap seperti bapa dan ibu saya ini telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan teguran kepada saya dalam dunia akademik, khususnya dalam penyempurnaan tesis ini. Segala tindakan yang disulami kesabaran, hikmah dan keintelektualan menjadi pemangkin kepada saya untuk terus berusaha dalam menempuh cabaran sepanjang tempoh pengajian saya.

Penghargaan juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Putra Malaysia kerana telah memberikan penajaan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Master secara sepenuh masa ini. Sokongan ini sangat membantu saya dalam penyempurnaan pengajian saya tanpa sebarang masalah dari segi kewangan.

Akhir sekali, ingin saya ucapkan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga saya, terutamanya ayahanda saya, Salehan Othman dan insan teristimewa, Radhiah Ab Samad atas kesabaran, sokongan dan dorongan berterusan yang telah diberikan. Tidak dilupakan kenalan dan rakan taulan yang turut memberi sumbangan yang sungguh bermakna.

Doa dipanjatkan kepada Tuhan Rabbul Jalil, agar segala jasa baik yang telah dicurahkan akan mendapat balasan yang baik serta redha dan barakah daripadaNya jua.

Sekian.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 7 Jun 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Dinie Asyraf bin Salehan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Metafora Konsepsi dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Haiwan” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Roslina Mamat, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hazlina Abdul Halim, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Maslida Yusof, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**NOR AINI AB SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Omrah bin Hassan @ Hussin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

### **Perakuan Pelajar Siswazah:**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengkajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Dinie Asyraf bin Salehan, GS42892

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Omrah bin Hassan @ Hussin

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

## JADUAL KANDUNGAN

|                       | <b>Muka Surat</b> |
|-----------------------|-------------------|
| <b>ABSTRAK</b>        | i                 |
| <b>ABSTRACT</b>       | iii               |
| <b>PENGHARGAAN</b>    | v                 |
| <b>PENGESAHAN</b>     | vi                |
| <b>PERAKUAN</b>       | viii              |
| <b>SENARAI RAJAH</b>  | xii               |
| <b>SENARAI GRAF</b>   | xiv               |
| <b>SENARAI JADUAL</b> | xv                |
| <b>SENARAI CARTA</b>  | xvii              |

### **BAB**

|            |                                   |    |
|------------|-----------------------------------|----|
| <b>I</b>   | <b>PENDAHULUAN</b>                |    |
| 1.1        | Pengenalan dan Latar Belakang     | 1  |
| 1.2        | Pernyataan Masalah                | 6  |
| 1.3        | Persoalan Kajian                  | 8  |
| 1.4        | Objektif Kajian                   | 8  |
| 1.5        | Kepentingan Kajian                | 8  |
| 1.6        | Batasan Kajian                    | 9  |
| 1.7        | Definisi Operasional              | 9  |
| 1.7.1      | Metafora konsepsi                 | 9  |
| 1.7.2      | Pemikiran                         | 9  |
| 1.7.3      | Peribahasa                        | 10 |
| 1.8        | Kesimpulan                        | 10 |
| <b>II</b>  | <b>SOROTAN KAJIAN</b>             |    |
| 2.1        | Pengenalan                        | 11 |
| 2.2        | Kajian Perbandingan Peribahasa    | 11 |
| 2.3        | Kajian Teori Metafora Konsepsi    | 16 |
| 2.4        | Kajian Hipotesis Sapir-Whorf      | 23 |
| 2.5        | Kesimpulan                        | 25 |
| <b>III</b> | <b>METODOLOGI</b>                 |    |
| 3.1        | Pengenalan                        | 27 |
| 3.2        | Reka Bentuk Kajian                | 27 |
| 3.3        | Kerangka Teori                    |    |
| 3.3.1      | Teori Metafora Konsepsi (1980)    | 27 |
| 3.3.2      | Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) | 32 |
| 3.4        | Kerangka Konseptual               | 34 |
| 3.5        | Kaedah Kajian                     | 35 |
| 3.6        | Bahan Kajian                      | 35 |
| 3.7        | Prosedur Kajian                   | 35 |
| 3.8        | Penganalisan Data                 | 36 |
| 3.9        | Kesimpulan                        | 36 |

|           |  |     |
|-----------|--|-----|
| <b>IV</b> | <b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>  |     |
| 4.1       | Persembahan Dapatan  | 37  |
| 4.2       | Konsep dan Nilai dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Metafora Haiwan  | 37  |
| 4.2.1     | Haiwan Kesayangan  | 38  |
| 4.2.2     | Haiwan Ternakan  | 46  |
| 4.3       | Analisis Persamaan dan Perbezaan Penggunaan Metafora Konsepsi dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Metafora Haiwan dengan menggunakan Teori Metafora Konsepsi (1980) | 58  |
| 4.3.1     | Ayam   | 59  |
| 4.3.2     | Anjing   | 67  |
| 4.3.3     | Kucing   | 74  |
| 4.3.4     | Kambing  | 81  |
| 4.3.5     | Lembu  | 85  |
| 4.3.6     | Kuda   | 89  |
| 4.3.7     | Babi   | 93  |
| 4.4       | Merumuskan Kesahan Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) Berdasarkan Konsep dan Metafora Konsepsi dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Metafora Haiwan                   | 98  |
| 4.5       | Rasional Teori dengan Dapatan Kajian   | 111 |
| 4.6       | Implikasi Dapatan Kajian   | 111 |
| <b>V</b>  | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>  |     |
| 5.1       | Rumusan  | 113 |
| 5.2       | Cadangan   | 114 |
|           | <b>BIBLIOGRAFI</b>   | 116 |
|           | <b>LAMPIRAN</b>  | 123 |
|           | <b>BIODATA PELAJAR</b>   | 195 |

## SENARAI RAJAH

| Rajah |  | Muka Surat |
|-------|--|------------|
| 1     | Kategori Kiasan dalam Bahasa Perancis (Audy, 2010)   | 3          |
| 2     | Contoh Pemetaan Konsep/Metafora Peperangan dalam ARGUMENT IS WAR   | 5          |
| 3     | Bahagian-Bahagian Metafora Konsepsi <i>THOUGHT IS FOOD</i> dalam Bahasa Parsi (Khajeh et al., 2014)                      | 18         |
| 4     | Pemetaan Metafora Konsepsi SYARIKAT IALAH HAIWAN (Silaški, 2009)   | 21         |
| 5     | Pemetaan Satu Domain Sumber kepada Satu Domain Sasaran dalam Teori Metafora Konsepsi (1980)                              | 28         |
| 6     | Pemetaan Berbilang Domain Sumber kepada Berbilang Domain Sasaran dalam Teori Metafora Konsepsi (1980)                    | 28         |
| 7     | Contoh Penggantian dengan Menggunakan Metafora Konsepsi  | 29         |
| 8     | Rantaian Utama Kejadian (Kieltyka & Kleparski, 2005)   | 30         |
| 9     | Aplikasi Teori Metafora Konsepsi (1980) dalam Kajian Ini   | 32         |
| 10    | Hipotesis Kuat dan Lemah dalam Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956)   | 33         |
| 11    | Kerangka Konseptual  | 34         |
| 12    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘Sebuah lesung seekor ayam jantannya’   | 59         |
| 13    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘ <i>Deux coqs ne peuvent chanter dans un même lieu</i> ’                             | 60         |
| 14    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘Seperti kotek ayam mandul’   | 60         |
| 15    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘ <i>Les poules qui gloussent le plus fort ne sont pas les meilleures pondeuses</i> ’ | 61         |
| 16    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘Berketak ayam dalam telur’   | 62         |
| 17    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘ <i>Comme une poule qui a trouvé un couteau</i> ’                                    | 63         |
| 18    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘Biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing’                             | 67         |
| 19    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘ <i>Battre le chien devant le lion</i> ’   | 68         |
| 20    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘Anjing diberi makan nasi takkan kenyang’   | 69         |
| 21    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘ <i>Chien qui aboie ne mord pas</i> ’  | 70         |
| 22    | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ‘Bagai kucing dengan panggang’  | 75         |

|    |  |     |
|----|--|-----|
| 23 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ' <i>Laisser aller le chat au fromage</i> '                                   | 75  |
| 24 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa 'Seperti anjing dengan kucing'  | 76  |
| 25 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ' <i>A bon chat bon rat</i> '   | 77  |
| 26 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa 'Bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi'                     | 78  |
| 27 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ' <i>Quand le chat n'est pas là, les souris dansent</i> '                     | 78  |
| 28 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa 'Seperti kambing dengan harimau'  | 82  |
| 29 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ' <i>Aussi longtemps que le monde respirera, le loup guettera la chèvre</i> ' | 82  |
| 30 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa 'katak hendak menjadi lembu'  | 86  |
| 31 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ' <i>Jouer à la grenouille qui veut se faire aussi grosse que le bœuf</i> '   | 86  |
| 32 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa 'Rumput mencari kuda'   | 90  |
| 33 | Pemetaan Metafora untuk Peribahasa ' <i>Un coup de pied de jument ne fait point de mal au cheval</i> '           | 90  |
| 34 | Metafora Konsepsi dengan Penggunaan Metafora Anjing dalam Konsep Tatasusila dan Kebijakan                        | 109 |



## SENARAI GRAF

| Graf |  | Muka Surat |
|------|--|------------|
| 1    | Nilai-Nilai dalam Peribahasa Melayu dan Perancis yang Mengandungi Metafora Haiwan Kesayangan | 39         |
| 2    | Nilai-Nilai dalam Peribahasa Melayu dan Perancis yang Mengandungi Metafora Haiwan Ternakan   | 48         |



## SENARAI JADUAL

| Jadual |   | Muka Surat |
|--------|---|------------|
| 1      | Peribahasa Melayu yang Menyentuh Perihal Pendidikan (Hj. Ahmad Ismail, 2014)                          | 14         |
| 2      | Peribahasa Arab yang Menyentuh Perihal Pendidikan (Hj. Ahmad Ismail, 2014)                            | 15         |
| 3      | Metafora Konsepsi PELABUR IALAH HAIWAN (Silaški, 2009)  | 20         |
| 4      | Metafora Konsepsi PASARAN IALAH HAIWAN (Silaški, 2009)  | 21         |
| 5      | Metafora Konsepsi PRODUK IALAH HAIWAN (Silaški, 2009)   | 22         |
| 6      | Konsep Peribahasa Melayu dengan Metafora Haiwan Kesayangan  | 40         |
| 7      | Konsep Peribahasa Perancis dengan Metafora Haiwan Kesayangan  | 42         |
| 8      | Persamaan dan Perbezaan Konsep dalam Peribahasa Melayu dan Perancis dengan Metafora Haiwan Kesayangan | 45         |
| 9      | Konsep Peribahasa Melayu dengan Metafora Haiwan Ternakan  | 49         |
| 10     | Konsep Peribahasa Perancis dengan Metafora Haiwan Ternakan  | 52         |
| 11     | Persamaan dan Perbezaan Konsep dalam Peribahasa Melayu dan Perancis dengan Metafora Haiwan Ternakan   | 56         |
| 12     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Ayam dalam Peribahasa Melayu Sahaja                               | 64         |
| 13     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Ayam dalam Peribahasa Perancis sahaja                             | 66         |
| 14     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Anjing dalam Peribahasa Melayu sahaja                             | 70         |
| 15     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Anjing dalam Peribahasa Perancis sahaja                           | 72         |
| 16     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Kucing dalam Peribahasa Melayu sahaja                             | 79         |
| 17     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Kucing dalam Peribahasa Perancis sahaja                           | 80         |
| 18     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Kambing dalam Peribahasa Melayu sahaja                            | 83         |
| 19     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Kambing dalam Peribahasa Perancis sahaja                          | 84         |
| 20     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Lembu dalam Peribahasa Melayu sahaja                              | 87         |
| 21     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Lembu dalam Peribahasa Perancis sahaja                            | 88         |
| 22     | Metafora Konsepsi daripada Metafora Kuda dalam Peribahasa Melayu sahaja                               | 91         |

|    |   |     |
|----|---|-----|
| 23 | Metafora Konsep dari Metafora Kuda dalam Peribahasa Perancis sahaja                 | 92  |
| 24 | Metafora Konsep dari Metafora Babi dalam Peribahasa Melayu sahaja                   | 94  |
| 25 | Metafora Konsep dari Metafora Babi dalam Peribahasa Perancis sahaja                 | 95  |
| 26 | Persamaan Metafora Konsep dan Metafora Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Perancis  | 96  |
| 27 | Jumlah Persamaan dan Perbezaan Metafora Konsep dalam Peribahasa Melayu dan Perancis | 97  |
| 28 | Konsep dalam Peribahasa Melayu  | 99  |
| 29 | Konsep dalam Peribahasa Perancis  | 100 |
| 30 | Persamaan dan Perbezaan Konsep dalam Peribahasa Melayu dan Perancis                 | 101 |
| 31 | Peribahasa Melayu dan Metafora Konsep Mengenai Konsep Tatasusila                    | 103 |
| 32 | Peribahasa Perancis dan Metafora Konsep Mengenai Konsep Tatasusila                  | 105 |
| 33 | Peribahasa Perancis dan Metafora Konsep Mengenai Konsep Kebijaksanaan               | 106 |
| 34 | Peribahasa Melayu dan Metafora Konsep Mengenai Konsep Kebijaksanaan                 | 107 |

## SENARAI CARTA

| <b>Carta</b> |  | <b>Muka Surat</b> |
|--------------|--|-------------------|
| 1            | Jumlah Peribahasa Melayu dan Perancis dengan Penggunaan Metafora Haiwan Kesayangan | 38                |
| 2            | Jumlah Peribahasa Melayu dan Perancis dengan Penggunaan Metafora Haiwan Ternakan   | 47                |





© COPYRIGHT UPM

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan dan Latar Belakang

Peribahasa merupakan salah satu bentuk bahasa yang digunakan oleh masyarakat sejak dahulu lagi untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan cara berkias. Terdapat ciri-ciri tertentu yang perlu dipunyai oleh sesebuah peribahasa, seperti dalam keterangan Norrick (1985). Norrick (1985) menyatakan bahawa peribahasa adalah bernas, mempunyai kandungan yang bersifat tetap, berbentuk puitis dan memberikan pengajaran. Norrick (1985) menambah bahawa unit tatabahasa penting yang wujud dalam sesebuah peribahasa itu pula tidak boleh diganti. Selanjutnya, Nabifar (2013) pula menjelaskan bahawa peribahasa merupakan ayat-ayat yang mengandungi unsur kebenaran atau realiti, kebijaksanaan, moral, dan sudut pandang secara tradisional. Nabifar (2013) turut menyebutkan bahawa peribahasa merupakan ayat yang tetap bentuknya, berbentuk metafora, dan mudah diingati. Hal ini menunjukkan bahawa peribahasa merupakan satu bentuk bahasa yang kaya dengan pelbagai unsur yang membinanya. Selain itu, ciri-ciri tersebut menjadikan peribahasa itu relevan untuk membantu penyampaian sesuatu perkara dengan cara yang berbeza daripada penyampaian secara terus.

Setiap bahasa yang dituturkan secara umumnya mempunyai peribahasanya yang tersendiri dan digunakan oleh penuturnya (Fanany & Fanany, 2003). Fanany dan Fanany (2003) turut menyatakan peribahasa yang wujud ini mampu difahami dan digunakan pula oleh penutur bahasa yang sama dengan bahasa yang digunakan dalam peribahasa, walaupun adakalanya seseorang penutur itu tidak faham sepenuhnya sesetengah perkataan yang digunakan, ataupun struktur peribahasa yang digunakan itu kelihatan sedikit ganjil jika cuba disesuaikan pula dalam konteks yang lain. Kemudian, Norazlina Mohd. Kiram dan Raja Masittah Raja Ariffin (2010) pula berpendapat bahawa kepelbagaian peribahasa wujud mengikut kepelbagaian bangsa, kerana sifat-sifat yang ada pada sesebuah bangsa dapat digambarkan dalam peribahasanya. Maka, selain daripada penggunaan peribahasa untuk menyampaikan mesej, peribahasa yang wujud dalam sesebuah masyarakat bahasa itu dapatlah digunakan untuk melihat citra masyarakat penggunaanya.

Kajian peribahasa telah lama bertapak dalam dunia penyelidikan. Semenjak Aristotle mengemukakan pendapat mengenai peribahasa (Wilson, 2009), kajian-kajian peribahasa kemudiannya mula berkembang. Pengkaji-pengkaji telah melakukan pelbagai jenis kajian terhadap peribahasa seperti kajian mengenai penggunaan metafora yang pelbagai dalam peribahasa, kajian pemikiran dalam peribahasa dan kajian-kajian lain. Di Malaysia, secara umumnya kajian peribahasa


tidak tertakluk di bawah satu-satu bidang tertentu yang khusus dan kajian-kajian terhadap peribahasa ini hanya dijalankan dengan menyentuh aspek-aspek yang berkenaan dengan peribahasa, contohnya aspek semantik. Namun, kajian peribahasa ini berlainan halnya di Perancis. Kajian peribahasa yang dilakukan merupakan bahagian daripada satu disiplin ilmu khusus iaitu *la parémiologie* atau pengajian peribahasa (Mieder, 1997; Vanderbeken, 2007). Dalmau (2014) menerangkan bahawa *la parémiologie* ini pula tertakluk di bawah bidang kajian yang dinamakan *la phraséologie*. *La phraséologie* merupakan kajian mengenai gabungan perkataan yang dibina dan gabungan ini mempunyai bentuk dan makna yang tersendiri. Tambah Dalmau (2014), *la parémiologie* mengkaji entiti yang terbina daripada bahagian-bahagian linguistik tertentu dan kemudian mempunyai makna semantik yang tersendiri. Dalam kata lain, *la parémiologie* mengkaji ungkapan yang tidak dapat diubah kedudukan perkataannya kerana gabungan kata-kata itu membawa maksud yang unik.

Peribahasa yang wujud dalam dunia mempunyai klasifikasi yang tersendiri. Bagi peribahasa dalam bahasa Melayu, para pengkaji mempunyai pelbagai klasifikasi yang terbina untuk mengelaskan peribahasa dalam kelompok tertentu. Za'ba (2002) misalnya telah meletakkan peribahasa Melayu sebagai jenis utama bahasa berkias. Kemudian, jenis-jenis kiasan seperti pepatah, bidalan, perumpamaan dinyatakan sebagai kiasan dalam kategori peribahasa. Jenis-jenis kiasan ini berkongsi persamaan dari segi sifatnya yang membawa mesej dalam bentuk yang menarik. Selain itu, kategori kiasan ini juga mempunyai perbezaan sendiri antara satu sama lain menurut Za'ba (2002). Tetapi Maniyamin Ibrahim (2006) telah memetik Keris Mas (1990) yang mempunyai pandangan lain pula, iaitu peribahasa, pepatah, perumpamaan, bidalan dan ungkapan diletakkan sebaris, sebagai kelompok-kelompok yang terkandung dalam jenis-jenis kiasan. Apabila diperhatikan kembali, dapat dikenal pasti bahawa kepelbagaian klasifikasi yang dibina oleh para pengkaji tetap bersandarkan kepada perkara yang sama, iaitu peribahasa Melayu merupakan jenis bahasa yang tergolong dalam bahasa berlapis atau bahasa kiasan.

Bagi bahasa kiasan dalam bahasa Perancis pula, sepertimana halnya dalam bahasa Melayu, turut mempunyai klasifikasi yang berbeza-beza mengikut pendapat pengkaji tertentu. Secara umumnya, dalam bahasa Perancis, terdapat kelompok bahasa kiasan yang pelbagai selain peribahasa Perancis atau *les proverbes* iaitu *le diction*, *l'adage*, *la sentence*, *la maxime* (keempat-empat jenis kiasan ini diterjemah sebagai 'pepatah'), *l'aphorisme* (aforisme), dan *l'apopteghme* (apoteigma). Menurut Audy (2010), kamus-kamus memberikan definisi yang berbeza-beza untuk setiap kategori kiasan ini. Kadangkala, definisi yang diberikan itu menyebabkan perbezaan sebenar antara satu kategori dengan satu kategori kiasan tersebut sukar untuk dikenal pasti. Namun terdapat pengkaji yang telah cuba memberikan definisi untuk membantu membezakan antara satu kategori dengan kategori yang lain. Audy (2010) dalam kajiannya mengumpulkan pendapat yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain mengenai jenis kiasan dalam bahasa Perancis.

Pertama, pandangan Arnaud (1991) terhadap definisi *le dicton*. *Le dicton* menurut Arnaud ialah sejenis gaya bahasa kiasan di bawah pecahan peribahasa iaitu *le proverbe*. Kiasan jenis ini mempunyai unsur sela masa tertentu sama ada musim, perayaan atau bulan dan sebagai contoh : *Rome se n'est pas faite en un jour* (Terjemahan : Rom tidak dibina dalam masa sehari). Jenis kiasan kedua, *l'adage* pula didefinisikan oleh Arnaud (1991) sebagai sebuah pecahan kiasan di bawah *le dicton*, tetapi hanya menyentuh persoalan mengenai peraturan dan undang-undang. *Nul n'est censé ignorer la loi* merupakan contoh yang diketengahkan oleh Arnaud (1991) untuk menunjukkan kewujudan unsur mengenai peraturan dalam bahasa kiasan di bawah kategori *l'adage*.

Seterusnya Audy (2010) memetik pandangan Schulze-Busacker (1984) untuk mendefinisikan *la sentence*, sebagai kategori kiasan yang lahir daripada pandangan seorang yang terkenal dan menyentuh mengenai isu moral dan norma sosial. Pandangan penyelidik ini turut menyatakan hal yang membezakan antara *la proverbe* dengan *la sentence* ialah kewujudan penciptanya. Jika pencipta sesebuah *sentence* tidak diketahui, maka *sentence* ini akan menjadi *proverbe*. Seterusnya, pandangan Schapira (2000) dipetik oleh Audy (2010) untuk maksud bagi kiasan jenis *la maxime*, iaitu kiasan yang diketahui ramai, mempunyai gaya bahasa yang elegan dan halus dan diketahui penciptanya seperti kiasan jenis *la sentence*. Kemudian, Audy (2010), menerusi keterangan Besa Camprubi (1999) menyatakan bahawa kiasan jenis *l'aphorisme* merupakan kiasan yang berasal daripada tradisi masyarakat Jerman, menggunakan karekter yang abstrak dan mempunyai hubungan rapat dengan puisi. *L'apophtegme* pula, iaitu kiasan yang berasal daripada budaya Yunani, merupakan satu bentuk pernyataan dengan penggunaan yang terhad, karekter yang abstrak dan juga bersifat memberi arahan menurut Besa Camprubi (1999, dalam Audy, 2010). Jadi, apabila merujuk kembali kepada kajian-kajian lampau yang dipetik oleh Audy (2010), dapat digambarkan bahawa secara umumnya kiasan bahasa Perancis dikategorikan seperti dalam Rajah 1 ini :



**Rajah 1: Kategori Kiasan dalam Bahasa Perancis (Audy, 2010)**

Walaupun nama, struktur dan jenisnya berbeza tetapi apabila perbandingan dilakukan, jelas bahawa bahasa kiasan khususnya peribahasa mempunyai tempat



dalam kedua-dua budaya masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Mesej tersirat yang diselindungi oleh unsur atau perkataan yang berlainan maksudnya jika dirujuk kepada maksud mesej merupakan persamaan utama yang menjadikan peribahasa ini sejagat sifatnya. Peribahasa dalam semua jenis bahasa, termasuk kedua-dua bahasa Melayu dan Perancis adalah berkaitan dengan aspek kognitif seseorang. Hal ini kerana pembentukan peribahasa itu sendiri datangnya daripada mekanisme kognitif (Imran-Ho Abdullah, 2011). Apabila peribahasa dilihat dari sudut linguistik kognitif, peribahasa berkait rapat dengan semantik kognitif iaitu cara seseorang itu memandang dunia sekeliling dan menggunakan perkara yang diperhatikan, sama ada untuk menyampaikan pemikiran atau pun memahami pemikiran yang dilontarkan pihak lain yang turut menggunakan pengalamannya dalam memerhatikan perkara-perkara di sekelilingnya.


Pemerhatian terhadap dunia sekeliling membolehkan manusia mengambil seberapa banyak unsur yang boleh digunakan bertujuan untuk menyampaikan sesuatu yang terkandung dalam pemikiran mereka. Peribahasa juga tidak ketinggalan dalam menggunakan unsur pemerhatian terhadap dunia yang kemudiannya digunakan untuk memerihalkan sesuatu perkara. Penggunaan unsur yang lain dalam penyampaian sesuatu yang lain adalah bertepatan dengan konsep metafora. Mahmudova (2013), halaman 70 dalam mengemukakan pandangannya terhadap metafora, telah menyatakan;

*Dans la rhétorique, la métaphore est appelée « trope par ressemblance ». Cela est également accepté par les linguistes qui considèrent aussi la métaphore comme un changement de signification dans un mot employé pour un autre à cause de quelque ressemblance.*

Mahmudova (2013) dalam halaman 70 menyatakan bahawa persamaan dalaman yang terdapat pada perkataan-perkataan menyebabkan berlakunya peralihan tempat, iaitu perkataan yang lain mengambil tempat perkataan yang sepatutnya digunakan kerana adanya persamaan dalaman yang boleh menerangkan maksud perkara yang cuba disampaikan. Hal ini bersamaan dengan kenyataan yang dilakukan oleh Lakoff dan Johnson (1980a) bahawa struktur konsep yang terdapat dalam diri manusia memberikan struktur tersendiri terhadap persepsi dan struktur ini adalah bersifat metafora.

Metafora yang juga boleh disifatkan sebagai perlambangan untuk menyampaikan sesuatu dengan menggunakan lambang sesuatu yang lain merupakan satu bukti kemampuan kognitif manusia dalam penghasilan dan pemahaman peribahasa. Kajian metafora secara serius mula diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson (1980a). Antara contoh metafora terawal yang dikaji oleh para penyelidik ini ialah ARGUMENT IS WAR, iaitu suatu gambaran konsep peperangan yang digunakan bagi menerangkan situasi yang berkaitan dengan pertelingkahan atau perselisihan

fahaman antara dua atau pelbagai pihak. Dalam perbualan bahasa Inggeris, contoh yang diberikan oleh Lakoff dan Johnson (1980a) untuk menggambarkan penggunaan metafora ini dalam dunia sebenar ialah seperti *his criticisms are right on target* atau dalam bahasa Melayu, “kritikannya tepat ke sasaran”. Penggunaan *right on target* atau “tepat ke sasaran” itu menunjukkan situasi ‘menyasarkan sesuatu’ yang kebiasaannya berlaku di dalam situasi peperangan dipetakan kepada situasi perdebatan yang berlaku antara dua pihak. Jadi berdasarkan perkara ini, metafora ialah idea utama yang melatari penggunaan analogi ‘tepat ke sasaran’, seperti diketengahkan oleh Lakoff dan Johnson (1980a). Teori Metafora Konsepsi (1980) pula merupakan teori yang dipelopori oleh dua pengkaji ini dalam menerangkan penggunaan metafora secara konsep, iaitu konsep yang terdapat dalam domain sumber atau *source domain* dipetakan kepada konsep yang serupa atau hampir sama dalam domain sasaran atau *target domain*.



**Rajah 2: Contoh Pemetaan Konsep/Metafora Peperangan dalam ARGUMENT IS WAR**

Apabila skop kemampuan penggunaan metafora ini diperbesar, maka perihai kemampuan kognitif dan pemikiran manusia dalam berbahasa dapat pula diperhatikan. Pemikiran manusia, merupakan satu perkara semula jadi dan pemikiran ini sedikit sebanyak dipengaruhi sama ada oleh bahasa ataupun oleh budaya yang dialami oleh penutur sesebuah bahasa. Perkara yang dialami, dilihat dan bersangkutan-paut dengan kedua-dua aspek tersebut disampaikan pula mengikut bahasa masing-masing. Perkaitan bahasa dan pemikiran manusia telah dikaji oleh ramai penyelidik yang cuba menggali hubungan kognitif dan bahasa (Doms, 2004). Edward Sapir dan Benjamin Lee Whorf meneruskan kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu dan telah mengutarakan sebuah hipotesis yang dikenali dengan nama Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956). Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956). ini menjadi sebuah hipotesis terkenal yang mengaitkan bahasa dan pemikiran dan menarik perhatian para penyelidik lain (Davies, Sowden, Jerrett, Jerrett & Corbett, 1998). Hipotesis ini meletakkan perbezaan struktur sesebuah bahasa sebagai faktor penentu berbezanya pemikiran seseorang daripada sebuah masyarakat bahasa dengan sebuah masyarakat bahasa yang lain, dan seterusnya juga mempengaruhi budaya kerana terdapatnya kaitan rapat antara budaya dan pemikiran (Elmes, 2013). Jadi secara tidak langsung, mengikut hipotesis ini, jika seseorang mahu memahami budaya dan pemikiran masyarakat yang berlainan bahasa daripada bahasa yang dituturkannya, maka menjadi keperluan untuk memahami dan menguasai dahulu struktur bahasa untuk membantu kefahaman budaya dan pemikiran yang ingin dicapai.

Berbalik kepada penggunaan metafora, terdapat banyak unsur yang berada dalam dunia sekeliling yang dijadikan metafora dalam pembentukan peribahasa. Haiwan merupakan salah satu sumber metafora, selain metafora yang berlainan contohnya seperti bahagian tubuh badan, dan emosi yang turut digunakan dalam peribahasa (Wei, Wong & Lim, 2013). Haiwan merupakan salah satu unsur alam yang begitu rapat dengan manusia kerana di manusia memang dikelilingi oleh unsur haiwan, tidak kira haiwan tersebut ialah haiwan jinak mahupun haiwan liar. Hubungan haiwan dan manusia ini begitu rapat sehingga rantaian makhluk yang dibentuk meletakkan haiwan dan manusia secara sebelah-menyebelah (Kieltyka & Kleparski, 2005). Oleh sebab itu, metafora haiwan terdapat dengan banyaknya dalam peribahasa kerana wujudnya hubungan rapat antara kedua-dua jenis hidupan ini. Seluruh masyarakat di dunia tanpa mengira lokasi mempunyai pengalaman dengan haiwan, namun berkemungkinan persepsi dan cara haiwan dikaitkan dengan pemikiran mempunyai persamaan dan perbezaan, lebih-lebih lagi apabila perbandingan dilakukan terhadap dua masyarakat bahasa yang terletak jauh antara satu sama lain, dengan latar belakang bahasa yang jauh berbeza. Justeru, kajian yang dilakukan dapat menganalisis maklumat-maklumat berkenaan penggunaan metafora dalam peribahasa dan juga maklumat-maklumat berkaitan pemikiran manusia bagi dua komuniti yang bertutur dalam bahasa yang berbeza.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Terdapat kajian-kajian terdahulu yang menyentuh tentang perbandingan terhadap peribahasa dan jenis-jenis kiasan lain antara bahasa-bahasa yang berlainan. Contohnya seperti kajian Sabariah Md. Rashid, Pabiyah Hajimaming dan Nurul Nadia Muhammad (2012) bertajuk '*Farm Animal Metaphors in Malay And Arabic Figurative Expressions: Implications For Language Learning*', iaitu kajian perbandingan metafora haiwan ternakan dalam kiasan bahasa Melayu dengan bahasa Arab serta implikasinya dalam pembelajaran bahasa. Wei (2012) pula dalam kajiannya yang bertajuk '*A Cognitive Analysis of Snake and Lion Metaphors in Mandarin Chinese and British English*' telah membuat perbandingan antara metafora berunsurkan dua jenis haiwan iaitu singa dan ular yang digunakan dalam kiasan bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Kajian bertajuk '*A Comparative Study of English and Chinese Animal Proverbs—from The Perspective of Metaphors*' oleh Liu (2013) turut menjalankan perbandingan terhadap peribahasa Inggeris dan Mandarin dalam skop yang lebih umum berbanding kajian Wei (2012), iaitu menyentuh tentang metafora tentang haiwan secara umum. Perbandingan peribahasa Melayu dan peribahasa bahasa Semai pula menjadi topik utama dalam 'Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai' oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah (2013). Kajian-kajian terdahulu ini telah memberikan peluang bagi pengkaji untuk melakukan pula analisis kontrasitif terhadap peribahasa dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis, dengan fokus kepada peribahasa yang menggunakan metafora haiwan untuk menggambarkan konsep-konsep berkaitan manusia. Kajian analisis kontrasitif ini perlu dijalankan kerana bahasa Melayu dan Perancis merupakan bahasa yang berbeza dengan banyaknya dari segala segi linguistik, selain daripada perbezaan cara hidup penutur kedua-dua bahasa ini. Jadi, penemuan kajian ini seperti sebarang persamaan dan

perbezaan akan menjadi satu petunjuk signifikan tentang persamaan dan perbezaan yang berlaku antara dua bahasa tersebut dan masyarakat yang menuturkannya.

Apabila menyentuh tentang peribahasa yang menggunakan metafora, para penyelidik terdahulu telah menjalankan kajian yang pelbagai terhadap perkara mengenai metafora ini. Antara perkara utama yang diberikan perhatian ialah mengenai metafora konsepsi yang terkandung dalam peribahasa. Kajian Legallois (2015) bertajuk '*L'approche Cognitive de La Catégorisation par Métaphore : Illustration et Critique à Partir d'un Exemple d'É. Zola*' telah memberi penerangan bagaimana konsep yang diperoleh melalui kemampuan kognitif manusia diterapkan kepada metafora terpilih. Konsep-konsep ini secara dasarnya adalah berlainan dengan ciri-ciri tersurat metafora yang membawa konsep itu tetapi berkongsi persamaan sehingga membolehkan metafora itu menjadi lambang kepada konsep. Konsep yang dibawakan oleh haiwan sebagai sumber metafora pula telah disentuh dalam kajian Kövecses (2010) iaitu '*Metaphor and Culture*' dan juga kajian '*Zoomorphy : Animal Metaphors for Human Personality*' oleh Sommer dan Sommer (2011). Kedua-dua kajian ini memberikan contoh-contoh metafora haiwan yang membawa konsep berkaitan manusia. Jadi, metafora konsepsi haiwan merupakan sebuah lapangan kajian yang begitu luas, dan kajian ini akan melengkapkan lagi kajian sedia ada, iaitu dari segi penelitian metafora konsepsi haiwan yang terkandung dalam peribahasa Melayu dan Perancis. Perbandingan metafora konsepsi haiwan dalam kedua-dua jenis bahasa ini juga turut akan dijalankan, bertujuan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan metafora konsepsi dalam bahasa yang berbeza.

Selain itu dalam kajian berkenaan peribahasa, pemikiran manusia juga merupakan perkara yang disentuh oleh para penyelidik. Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) merupakan sebuah hipotesis yang mengaitkan pengaruh bahasa terhadap pemikiran. Hipotesis ini telah dijadikan landasan bagi beberapa kajian lalu yang menyentuh persoalan pemikiran manusia ini. Contoh kajian yang dijalankan dengan menggunakan hipotesis ini ialah kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) yang meneliti aspek pemikiran yang digambarkan dalam peribahasa Melayu dalam 'Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu'. Ragini dan Che Ibrahim (2015) dalam 'Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari Aspek Sosial' turut menggunakan Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) ini untuk menggambarkan pemikiran masyarakat, iaitu salah satu perkara dalam aspek sosial. Kajian ini dijalankan dengan membandingkan peribahasa Melayu dan Tamil. Kajian-kajian lalu yang disenaraikan ini menunjukkan pemikiran dan peribahasa adalah suatu perkara yang tidak dapat dipisahkan. Namun, pemerhatian dan perbandingan harus dilakukan juga terhadap pemikiran dalam peribahasa daripada bahasa yang mempunyai jurang perbezaan yang lebih besar, seperti bahasa Melayu dan Perancis. Perbandingan ini dapat membantu menganalisis kesan bahasa terhadap pemikiran, dan juga mencari jawapan kepada persoalan sama ada bahasa yang berbeza benar-benar menjadikan penuturnya berfikir secara berbeza, iaitu idea dalam Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956). Maka, kajian ini akan merumuskan pula kesahan Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) mengenai pengaruh bahasa terhadap pemikiran yang telah menjadi topik perbincangan ramai penyelidik.

### **1.3 Persoalan Kajian**

1. Apakah jenis-jenis konsep dan nilai yang dibawa oleh peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan?
2. Adakah terdapatnya persamaan dan perbezaan metafora konsepsi dengan penggunaan metafora haiwan dalam peribahasa Melayu dan Perancis? Jika ada, apakah metafora konsepsi yang sama dan berbeza antara peribahasa kedua-dua bahasa tersebut?
3. Sejauh manakah kesahan Hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) boleh ditunjukkan melalui konsep dan metafora konsepsi dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan?

### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti konsep dan nilai dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan.
2. Menganalisis persamaan dan perbezaan penggunaan metafora konsepsi dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan dengan menggunakan Teori Metafora Konsepsi (1980).
3. Merumuskan kesahan hipotesis Sapir-Whorf (1921,1956) berdasarkan konsep dan metafora konsepsi dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian secara analisis kontrastif terhadap peribahasa dalam dua bahasa yang berasal daripada dua keluarga bahasa yang berbeza, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Perancis mempunyai pelbagai kepentingan untuk dijalankan. Kajian ini dapat membantu untuk memperbanyak kajian perbandingan bahasa-bahasa dunia, khususnya yang membandingkan antara peribahasa.

Kajian ini juga dapat membantu para pengajar bahasa sama ada di sekolah, pusat pengajian bahasa dan institusi-institusi pengajian tinggi untuk mempelbagaikan lagi bahan pengajaran. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai bahan pengajaran, untuk memudahkan kefahaman para pelajar terhadap bahasa Melayu dan bahasa Perancis, selain daripada membantu menjadikan pengajaran bahasa lebih menarik.

Penyelidikan yang dijalankan ini turut mempunyai kepentingan khusus untuk menerangkan hasil analisis kontrasif mengenai cara pandang dunia atau *worldview* antara masyarakat yang bertutur dalam bahasa Perancis dan bahasa Melayu supaya persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam dua bahasa yang dikaji ini dapat difahami seterusnya menambahkan kesedaran umum tentang perbezaan dua budaya yang berbeza, seterusnya mengelakkan salah faham jika berlakunya pertembungan dua budaya ini pada masa hadapan.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada peribahasa-peribahasa yang terkandung dalam koleksi pilihan pengkaji, iaitu koleksi peribahasa Melayu dalam Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011), dan koleksi-koleksi peribahasa Perancis, iaitu koleksi bercetak dan koleksi atas talian. Koleksi bercetak peribahasa Perancis ialah dalam *Les Expressions Idiomatiques* terbitan *CLE International* (2008), manakala koleksi atas talian ialah daripada kumpulan peribahasa daripada laman sesawang Linternaute, iaitu [www.linternaute.com/proverbe](http://www.linternaute.com/proverbe), dan juga dua buah e-buku. E-buku tersebut bertajuk *Dictionnaire des Proverbes Français* (1823) dan *Dictionnaire des Proverbes: Anglais-Français et Français-Anglais* (1998). Kedua-dua e-buku ini didapati di laman sesawang *Google Books*. Metafora haiwan dalam peribahasa yang dikaji terhad hanya kepada 7 jenis haiwan sahaja iaitu anjing, kucing, ayam, lembu, kambing, kuda dan babi. Jenis haiwan ini dipilih berdasarkan hubungan rapat dengan manusia berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh Krikmann (2001). Metafora konsepsi yang menjadi salah satu fokus dalam kajian ini dibataskan hanya kepada metafora konsepsi MANUSIA IALAH HAIWAN sahaja, tanpa menyentuh metafora konsepsi yang mengaitkan haiwan dengan unsur-unsur lain.

## **1.7 Definisi Operasional**

### **1.7.1 Metafora Konsepsi**

Metafora konsepsi dalam kajian ini bermaksud sebuah pemetaan antara metafora dan konsep. Pemetaan ini akan mengaitkan konsep atau gagasan idea dalam peribahasa sebagai sumber, manakala metafora atau perlambangan dalam peribahasa sebagai sasaran. Sumber metafora bagi metafora konsepsi dalam kajian ini ialah haiwan dan juga metafora unsur-unsur yang berkaitan dengan haiwan seperti tubuh badan haiwan dan sebagainya.

### **1.7.2 Pemikiran**

Pemikiran merupakan salah satu kebolehan manusia untuk memikirkan sesuatu perkara. Dalam kajian ini, representasi kepada pemikiran ialah konsep-konsep yang

berlaku dalam kehidupan seharian manusia dan kemudiannya disampaikan melalui penggunaan peribahasa dan metafora konsepsi dalam peribahasa.

### **1.7.3 Peribahasa**

Peribahasa merujuk kepada jenis bahasa yang menjadi wadah penyampaian masyarakat dan digunakan untuk memberitahu sesuatu secara berselindung sama ada kepada individu ataupun khalayak. Jenis bahasa ini terdapat dalam kelompok masyarakat bahasa di seluruh dunia, dan menunjukkan kesejagatan penggunaan kiasan dalam aktiviti berbahasa sehari-harian. Walaupun peribahasa didefinisikan secara berbeza antara bahasa Melayu dan Perancis, kajian ini dijalankan daripada sudut pandang penutur bahasa Melayu. Justeru, definisi peribahasa dalam kajian ini adalah menurut definisi peribahasa dalam masyarakat Melayu.

### **1.8 Kesimpulan**

Bab pertama kajian ini telah menyentuh secara umum tentang fokus utama kajian ini, iaitu mengenai perbandingan metafora konsepsi dan pemikiran melalui analisis perbandingan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Perancis. Fokus kajian yang telah disebutkan merupakan hasil daripada penelitian penyelidik tentang kajian-kajian lampau yang akhirnya membawa kepada isu yang ingin ditelusuri oleh penyelidik. Bab seterusnya akan membentang dan membincangkan kajian-kajian lalu yang diteliti sehingga membawa kepada cetusan idea untuk mengetengahkan isu metafora konsepsi dan pemikiran melalui peribahasa.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmed, S. (2005). *Educational and social values expressed by proverbs in two cultures: Knowledge and use of proverbs in Sudan and England*. (Tesis Doktor Falsafah). Technische Universität Berlin.
- Arimi, S. (2005). Contested wisdom in Indonesian and Japanese proverbs - A linguistic-cultural mapping. *Studies in Urban Cultures*, 6, 76-101.
- Audy, M. (2010). *L'attrition de la marque d'usage proverbial de la 7e (1878) à la 8e (1932-35) édition du Dictionnaire de l'Académie française*. [Atrisi penggunaan peribahasa dalam Kamus Akademi Perancis daripada edisi ketujuh sehingga kelapan] (Tesis Master). Université de Montréal.
- Borowski, M. (2015). Language and its influence on how we understand reality. *SKASE Journal of Theoretical Linguistics*, 12(2), 70-91.
- Bradshaw, J. (2015). Why don't dogs like cats? You asked Google – here's the answer. Diambil daripada <https://www.theguardian.com/>. Tarikh akses: 13 Julai 2016.
- Chen, S.F., & Chen, L.C.L. (2011). What animals reveal about grammar and culture: A study of animal metaphors in Mandarin Chinese and English. *Journal of National Taiwan Normal University: Linguistics & Literature*, 56(2), 121-152.
- Chollet, I., & Robert, J. (2011). *Les Expressions Idiomatiques*. [Ungkapan Idiomatik] Paris: *CLE International*.
- Dalmau, M. I. R. (2014). Enseigner et apprendre les unités parémiologiques d'une langue étrangère: du XIXe siècle à nos jours. [Pengajaran dan pembelajaran unit *paremiology* dalam bahasa asing : daripada abad ke-19 sehingga kini]. *Cedille, Revista de Studios Franceses*, 10, 333-344.
- Davies, I. R. L., Sowden, P.T., Jerrett, D.T., Jerrett, T. & Corbett, G. G. (1998). A cross-cultural study of English and Setswana speakers on color triads task: A test of the Sapir-Whorf Hypothesis. *British Journal of Psychology*, 89, 1-15.
- Dickson A.A., & Mbosowo M.D. (2014). African proverbs about women: semantic import and impact in African societies. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5 (9), 632-641.
- Doms, D. E. (2004). *English and Korean speakers' categorization of spatial actions: a test of the Whorf hypothesis*. (Tesis Master). University of Birmingham.
- Elmes, D. (2013). The relationship between language and culture. 鹿屋体育大学 学術研究紀要 (*National Institute of Fitness and Sports Academic Research Annals*), 46, 11-18.



- Fanany, I., & Fanany, R. (2003). *Wisdom of the Malay proverbs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fanany, I., & Fanany, R. (2008). *Four is odd five is even: The cognitive framework of Malay proverbs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faycel, D. (2012) Food metaphors in Tunisian Arabic proverbs. *Rice Working Papers in Linguistics*, 3(12), 1-23.
- Bulman, F. (1998). *Dictionnaire des Proverbes: Anglais-Français et Français-Anglais*. [Kamus Peribahasa : Bahasa Inggeris-Bahasa Perancis dan Perancis-Inggeris] Diambil daripada <https://books.google.com.my/>. Tarikh akses: 9 Julai 2015.
- Gil, E. R., & Ruiz, J. H. (2006). The processing of animal-related expressions. *Procesamiento del Lenguaje Natural*, Revista n° 37, 293-300.
- Hai-ying, L. (2011). The Sapir-Whorf hypothesis and foreign language teaching and learning. *US-China Foreign Language*, 9(9), 569-574.
- Hj. Ahmad Ismail. (2014). Pendidikan generasi melalui peribahasa fokus utama: Peribahasa Arab dan Melayu. *Proceeding of International Conference on Postgraduate Research ICPR 2014*. 36-44. Kuala Lumpur.
- Harðarson, Ö. (2012). *In search of lexical Whorf: a comparison between the lexical influence on thought in the standard view of Whorf and Whorf's own writings in the light of empirical evidence*. (Tesis Master). Háskóli Íslands.
- Haruyama, J. (2008). Application de la théorie des métaphores conceptuelles a l'apprentissage de locutions [Penerapan teori metafora konsepsi dalam pembelajaran kiasan]. *Kertas kerja dalam Congres de Printemps, Société Japonaise de Didactique du Français*, 175-188.
- Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati budi Melayu: Kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjanaan Melayu gemilang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(1), 163-182.
- Horwitz, D., Soulard, Y., & Junien-Castagna, A. (2008). Comportement alimentaire du chat [Tingkah laku makan kucing]. Dalam Pibot, P., Biourge, V. & Elliott, D. (Ed.). *Encyclopédie de la nutrition clinique féline*. India: Royal Canin.
- Hussein, B.A. (2012). The Sapir-Whorf Hypothesis Today. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(3), 642-646.
- Imran-Ho Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantic peribahasa Melayu bersumberkan anjing (canis familiaris). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(1), 125-141.

- Jean de la Fontaine. Fables and tales from La Fontaine: In French and English. Diambil daripada <https://books.google.com.my/>. Tarikh akses: 15 September 2016.
- Jensen, T. (2013). Animals and pets poll: American prefer dogs; Fear snakes. *Public Policy Polling*. Diambil daripada <http://www.publicpolicypolling.com/>. Tarikh akses: 9 Ogos 2016.
- Khajeh, Z., Imran-Ho Abdullah & Tan Kim Hua. (2014). A cross-cultural account of the metaphor conceptualisations of thought as food in Persian. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 22 (4), 1115 – 1131.
- Kiełtyka, R., & Kleparski, G.A. (2005). The ups and downs of the great chain of being: the case of canine zoosemy in the history of English. *SKASE Journal Of Theoretical Linguistics*, 2(1), 22-41.
- Kövecses, Z. (2008). Universality and variation in the use of metaphor. Dalam Johannesson, N.L. & Minugh, D.C (Ed.). *Selected Papers from the 2006 and 2007 Stockholm Metaphor Festivals*. Stockholm: Stockholm University.
- Kövecses, Z. (2010). Metaphor and culture. *Philologica*, 2(2), 197-220.
- Krikmann, A. (2001). Proverbs on animal identity: Typological memoirs. *Folklore*, 17, 7-84.
- Krikmann, A. (2007). The great chain of being as the background of personificatory and depersonificatory metaphors in proverbs and elsewhere. *Kertas kerja dalam 1st Interdisciplinary colloquium on proverbs*, 1-24. Tavira (Algarve): Portugal.
- La Mésangère, P.A.L. (1823). *Dictionnaire des Proverbes Français* [Kamus peribahasa Perancis]. Diambil daripada <https://books.google.com.my/>. Tarikh akses: 9 Julai 2015.
- Lacavalla, C.B. (2007). *Lexique-grammaire des proverbes en Quand/Quando – Comparaison français-italien et représentation par grammaires locales* [Tatabahasa leksikon peribahasa yang mengandungi *Quand/Quando* – Perbandingan bahasa Perancis dan Itali serta gambaran menerusi tatabahasa lokal]. (Tesis Doktor Falsafah).Università Degli Studi di Bari.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980a). *Metaphors we live by*. Chicago : University of Chicago Press.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980b). The metaphorical structure of the human conceptual system. *Cognitive Science*, 4, 195-208.
- Lakoff, G., & Turner, M. (1989). *More than cool reason: a field guide to poetic metaphor*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. (1992). The contemporary theory of metaphor. Dalam Ortony, A. (ed.). (1993). *Metaphor and Thought (2nd edition)*. Cambridge : Cambridge University Press.

- Lebreton, F. (2015). *Parents poules : couvrir mais pas trop* [Ibu bapa yang terlalu melindungi : Beri perhatian tetapi jangan keterlaluan]. Diambil daripada <http://www.la-croix.com/>.
- Legallois, D. (2015). L'approche cognitive de la catégorisation par métaphore: illustration et critique à partir d'un exemple d'É. Zola [Pendekatan kognitif dalam pengkategorian metafora : pengilustrasian dan kritik daripada contoh-contoh E. Zola]. *Pratiques*, 165(166), 1-12.
- Librová, B. (1998). L'âne dans les expressions métaphoriques de l'ancien français [ Keldai dalam ungkapan metafora bahasa Perancis lama]. *Etudes Romanes de Brno*, 19, 17-38.
- Lim, K.H. (2010). How Malay proverbs encode and evaluate emotion? A paremiological analysis. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1), 57-81.
- Linternaute Proverbe. Diambil daripada [www.linternaute.com/proverbe](http://www.linternaute.com/proverbe). Tarikh akses: 29 Julai 2016.
- Liu, J. (2013). A comparative study of English and Chinese animal proverbs—from the perspective of metaphors. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(10), 1844-1849.
- Mahmudova, S. (2013). La métaphore dans les proverbes azerbaïdjanais [Metafora dalam peribahasa Azerbaijan]. *Paremia*, 22, 69-77.
- Maniyamin Haji Ibrahim. (2006). *Gaya Bahasa Kiasan: Penggunaan dan keberkesanannya dalam Sajak*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- McWhorter, J. (2004). *The story of human language part 1*. Virginia: The Teaching Company.
- Merry Lapasau & Arbak Othman. (2010). Metafora haiwan: Kajian perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. *Jurnal Bahasa*, 10(1), 162-194.
- Mia, K.S. (2013). *Pengolahan menu spesial di KARASA (Kafe Rakyat Sehat) CV. Mitra Tani Farm Bogor*. (Tesis Ijazah Bersekutu). Politeknik Pertanian Universitas Andalas.
- Mieder, W. (1997). Modern paremiology ini retrospect and prospect. *Paremia*, 6, 399-416.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2015). Kontroversi program “I want to touch a dog” dalam media kontemporari daripada perspektif Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 31 (2), 195-210.
- Nabifar, N. (2013). A comparative study of English and Persian proverbs on basis of cognitive linguistics. *Technical Journal of Engineering and Applied Sciences*, 3(18), 2287-2302.

- Norazlina Mohd. Kiram & Raja Masittah Raja Ariffin. (2010). Konsep malu orang Melayu dalam peribahasa Melayu. Dalam Mohd Sharifudin Yusof, Arba'ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Ed.) *Prosiding Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya, Pemupukan Perpaduan*. 98-117. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.
- Norhuda Salleh. (2014). Tepak sirih: Komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu. *Malaysian Journal of Communication*, 30, 177-190.
- Norrick, N. R. (1985). *Semantic studies in English proverbs*. Berlin: Walter de Gruyter & Co.
- Nurul Nadia Muhammad & Sabariah Md. Rashid. (2014). Cat metaphors in Malay and English proverbs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 118(2014), 335 – 342.
- Pérez, R.G. (2008). A cross-cultural analysis of heart metaphors. *Revista Alicantina de Estudios Ingleses*, 21, 25-56.
- PetSafe. (2012). Pourquoi les chiens aboient-ils ? [Mengapa anjing menyalak ?] Diambil daripada <http://intl.petsafe.net/>. Tarikh akses: 27 Oktober 2016.
- Protection Suisse des Animaux. (2012). *Conseils pour une bonne alimentation des chats* [Nasihat untuk pemakanan kucing]. Diambil daripada <http://www.protection-animaux.com/>. Tarikh akses: 11 November 2016.
- Ragini Ragavan & Che Ibrahim Haji Salleh. (2015). Peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial. *Journal of Business and Social Development*, 3(1), 66-75.
- Ritchie, L. D. (2013). *Metaphor*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Sabariah Md. Rashid, Pabiyah Hajimaming & Nurul Nadia Muhammad. (2012). 'Farm' animal metaphors in Malay and Arabic figurative expressions: implications for language learning. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 1(7), 33-39.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(1). 83-98.
- Salina Abdul Manan, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Noor Hafiza Ismail, Norlelawaty Haron, Ahmad Helmi Mohd Mukhtar, Mohd Rohaizat Abdul Wahab & Hasnira Hassan. (2014). Keindahan tengkolok warisan kesultanan Perak Darul Ridzuan. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*, 748-759. Kota Kinabalu, Sabah.
- Sapir, E. (1921). *Language : An introduction to the study of speech*. San Diego, New York, London : Harcourt Brace Jovanovich.

- Silaški, N.R. (2009). Animal metaphors in some business-related terms in English. *International Conference Across Languages and Cultures*, 565-576. Herceg Novi, Montenegro,
- Sommer, R., & Sommer, B.A. (2011). Zoomorphy: Animal metaphors for human personality. *Anthrozoös*, 24(3), 237–248.
- Springfield Public Schools. (n.d.). Diambil daripada <https://www.sps186.org/>. Tarikh akses: 2 January 2017.
- Stancu, A. (2008). *Le mot coq et son champ semantique* [Kata ‘ayam’ dan medan semantiknya]. Dalam Francard, M., Gautier, L., Iliescu, M., Prus, E., Sala, M., Suteu, F., & Vicario, F. (Ed.). *Annales de l’Universite de Craiova*. 254-261.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2006). Permasalahan sekitar qada' dan qadar. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 7, 63-92.
- Talebinejad, M.R., & Dastjerdi, H.V. (2005). A cross-cultural study of animal metaphors: When owls are not wise! *Metaphor and Symbol*, 20(2), 133-150.
- Teilanyo D.I. (2014). Unity in diversity: a comparative study of selected idioms in Nembe (Nigeria) and English. *Intercultural Communication Studies XXIII*, 2, 124-140.
- Tengku Sepora Tengku Mahadi & Jafari, S.M. (2012). Language and culture. *International Journal of Humanities and Social Sciences*. 2(17), 230-235.
- Valette, D. (2012). *Le coq, les poules, les canards et le voisin. La basse-cour devant la Cour* [Ayam jantan, ayam betina, itik dan jiran. Reban di halaman rumah]. . Diambil daripada <http://www.pyrenees-pireneus.com/>. Tarikh akses: 24 Oktober 2016.
- Vanderbeken, M. (2007) *Syntaxe compare des proverbes français et espagnols* [Perbandingan sintaksis peribahasa Perancis dan Sepanyol]. (Tesis Master). Universiteit Gent.
- Wei Lixia, Wong, B. E., & Lim, C. B. (2013). Lion metaphors in Chinese and English. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(2), 517-534.
- Wei Lixia. (2012). *A cognitive analysis of snake and lion metaphors in Mandarin Chinese and British English*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia.
- Whorf, B.L. (1956). Language, thought and reality. In Carroll, J.B. (Ed.) *Selected writings of Benjamin Lee Whorf*. Massachusetts: The M.I.T. Press.
- Wilson, F. C. (2009). *A model for translating metaphors in proverbs (French to English): a cognitive descriptive approach*. (Tesis Master). The University of British Columbia.

Wolff, P., & Holmes, K.J., (2011). Linguistic relativity. *WIREs Cognitive Science*, 2(3), 253-265.

Za'ba. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu (Edisi Ejaan Rumi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**STATUS CONFIRMATION FOR THESIS / PROJECT REPORT AND COPYRIGHT**

**ACADEMIC SESSION :** \_\_\_\_\_

**TITLE OF THESIS / PROJECT REPORT :**

---

---

---

**NAME OF STUDENT :** \_\_\_\_\_

I acknowledge that the copyright and other intellectual property in the thesis/project report belonged to Universiti Putra Malaysia and I agree to allow this thesis/project report to be placed at the library under the following terms:

1. This thesis/project report is the property of Universiti Putra Malaysia.
2. The library of Universiti Putra Malaysia has the right to make copies for educational purposes only.
3. The library of Universiti Putra Malaysia is allowed to make copies of this thesis for academic exchange.

I declare that this thesis is classified as :

\*Please tick (v )

**CONFIDENTIAL**

(Contain confidential information under Official Secret Act 1972).

**RESTRICTED**

(Contains restricted information as specified by the organization/institution where research was done).

**OPEN ACCESS**

I agree that my thesis/project report to be published as hard copy or online open access.

This thesis is submitted for :

**PATENT**

Embargo from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_  
(date) (date)

**Approved by:**

\_\_\_\_\_  
(Signature of Student)  
New IC No/ Passport No.:

\_\_\_\_\_  
(Signature of Chairman of Supervisory Committee)  
Name:

Date :

Date :

**[Note : If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization/institution with period and reasons for confidentially or restricted. ]**